

## Per(anti) Mimpi 1.0

SUBUH Ahad itu tidak seceria selalu. Seawal Subuh, Dela sudah menghempas pintu. Biasanya apabila Dela sudah menghempas pintu, dia akan berkurung agak lama di dalam kamar. Bahkan sepi itu boleh memanjang sehingga tengah hari. Dalam hati, biar ibu ayahnya tahu betapa dia sangat kecewa terhadap keputusan mereka.

Ragam Dela juga sudah lama ditelan oleh Andy dan Tia. Namun kali ini, pasangan itu sudah kesempitan rasa. Marah dan kesal bergabung jadi satu. Selalunya, rajuk Dela akan disambut dengan bebelan Andy atau jelingan Tia. Atas kebersalahannya kelak, Dela akan keluar dengan berang yang tertinggal di dalam kamar.

Namun kali ini, ibu ayah itu memilih untuk diam. Diam bukan tanda akur, tetapi lebih kepada mencari dan memaknakan nilai kasih yang mereka hamparkan sebagai waris Dela. Diam mereka juga pasti memungkinkan Dela beralasan untuk lebih lama dalam kamar. Biarlah. Ternyata ketiga daripada mereka menemui kesepakatan rasa.

Sunyi pada rumah bertingkat dua itu akhirnya pecah apabila Andy meminta Tia segera menyediakan sarapan. Tia akur, sesuai pada patutnya tugas seorang isteri. Ketika Tia menyediakan sarapan, Andy berdiri di bucu dapur. Tidak berniat untuk membantu, kerana akalnya sudah bercempera dengan soalan yang berlipat jawapan demi jawapan. Pandangannya terbenam tanpa jemu pada gerak laku Tia.

"Maka apa yang harus kita putuskan?" sengaja Andy membuka jeda antara mereka. Mata mereka masih belum berpandangan sejak tadi. Percubaannya kini dimulakan dengan mencungkil apa yang disimpan dalam benak Tia. Tia hanya menggesek sudu teh lalu membiarkan irama nyilu berkumandang dalam sudut rumah agam itu.

"Kau ingin memenuhi permintaannya. Lalu apa yang boleh aku lakukan? Bukankah keputusan selalu berada di tanganmu, wahai pemimpinku?" soalan Andy tadi juga dijawab dengan pertanyaan daripada Tia, yang lebih panjang dan kompleks walaupun disusun dengan kekata yang mudah. Ternyata ia menyimpul suatu erti; permaisuri milik Andy sedang sebal.

Pada saat yang menyempitkan ruang nafas kedua-dua insan itu, Andy segera mematikan jemari Tia yang sedang berduet dengan camca dalam tarian di permukaan cawan coklat hangat. Lelaki itu mengambil cawan tersebut lalu membawanya ke meja makan. Dia tatang sekali sepinggan roti yang disediakan oleh dirinya sendiri, dalam cara berlaku adil kepada isterinya.

Kenapa berharap pada pihak lain sedangkan dia boleh melakukannya sendiri? detik Andy.

Entah mengapa, soalan yang dia sendiri terbitkan dalam jermalanya itu seolah sebuah tamparan. Soalan itu mendobrak kotak fikirnya. Itulah yang menjadi pokok kedinginan rumah agam itu sejak malam semalam. Sambil berjalan ke arah meja makan, Andy kembali berfikir lagi sebelum nanti disambung dengan debat bersama Tia yang pasti berlarutan.

Tia yang baru tiba di meja makan, disambut dengan pandangan tajam suaminya. Akhirnya, Andy memulakan bicara, "aku sedang mencuba sedaya upaya untuk memudahkan urusan kita berdua. Kalau kau lupa, kita sedang berpijak di zaman yang sungguh berbeza. Perbezaan yang ketara berbanding zaman kita di bangku sekolah. Aku suka jika anak kita dapat mengikut peredaran masa. Lagipun, tidak perlulah kita merumitkan keadaan."

"Tia, aku tetap akan membelikan Peranti Mimpi itu untuk Dela. Daripada kita membelikannya segala alat atau buku panduan untuk dipelajarinya sendiri, mengapa tidak kita berikannya Peranti Mimpi? Ia akan memudahkan dia berhubung dan bersoal jawab tentang

soalan-soalan yang berkait dengan pelajaran bersama teman dan gurunya. Kalau kau terlupa, dia seorang remaja yang berhadapan dengan berjenis-jenis mata pelajaran dalam satu masa.”

Jeda.

“Tia, kau sayangkan Dela kan?”

Oh, soalan itu benar-benar meracik hati Tia. Lambang kasih sayang ibu bapa ialah dengan menyediakan alat tanpa jiwa itu? Dangkal benar fikiran lelaki yang dimuliakannya sejak dahulu itu! "Peranti Mimpi? Andy, kau mendefinisikan kasih sayangmu lewat peranti itu? Kau sedarb bahawa kau sedang menyokong kebiadaban si pencipta alat itu. Ah!" Amarah Tia bertala antara enam dinding ruang makan itu.

Keadaan kembali sepi. Tia benar-benar marah nampaknya. Andy juga sudah kehilangan bicara.

Tidak dapat dinafikan bahawa Peranti Mimpi itu memang berguna. Menurut perekanya yang berasal dari kota seribu alma matar itu, ia direka untuk membantu kehidupan manusia yang semakin kehilangan kemanusiaan. Katanya, kita sering bertelagah dengan masa. Penciptanya dirudung rindu pada manusia yang dahulunya sering bertelagah atas dasar ilmu dan pemikiran. Pada waktu peperangan dunia keempat yang berakhir berpuluh tahun lalu, manusia telah kehilangan banyak masa yang sengaja dihabiskan untuk berdebat senjata. Maka alat ini terilham agar setiap saat dapat dikembalikan untuk tujuan pemanfaatan, hatta pada waktu lena.

Alat ini tercipta untuk menembusi mimpi manusia. Sekiranya kehidupan manusia yang bergantung pada jantung bionik telah mampu dicipta pada dekad 2010, apalah peliknya dengan peranti mimpi yang mampu menembusi lena manusia. Penciptanya percaya, dalam mimpilah tercipta seribu ilham, idea dan impian. Namun setiap kali manusia bangkit dari tidur, segalanya

akan hilang dan manusia harus menggali semula semua yang tertinggal dalam mimpi. Bukankah itu penggalan itu pekerjaan yang sia-sia?

Maka penciptanya telah menciptakan peranti ini agar manusia boleh berhubung lewat mimpi dengan penciptaan alat USB pada abad ke 21. Oh, ia adalah rahmat buat si bijak pandai dan rezeki buat si pengaut harta. Dengan kata cerdiknya, ini ialah ciptaan yang tidak dapat dipersoalkan. Malah Tuhan sendiri sudah mengatakan manusia itu terhina demi masa? Nah, rahmat dan rezeki ini harus dipeluk oleh semua yang berakal.

Malah akal yang dimiliki oleh yang bernyawa itu membolehkan penggunaan peranti mimpi ini semakin meluas. Para ahli politik menggunakannya untuk berkompromi agar tidak terjadinya perang dunia kelima. Bukankah alam mimpi tempat yang terlalu damai untuk berunding sesama mereka? Begitu juga dengan para ibu bapa yang mahu bermesra dengan anak mereka. Hanya lewat mimpi mereka mampu bertemu, demi untuk membalas masa sedar mereka yang dihabiskan di pejabat.

Kewujudan peranti mimpi itu juga tidak dipersiapkan oleh guru Dela. Semalam, gadis itu memberikan surat keizinan dan permintaan daripada gurunya kepada Andy dan Tia. Menurut surat itu, guru tersebut meminta izin untuk memotong sebahagian wang simpanan pendidikan atau SimPendidikan para pelajar. Tujuannya: untuk menjalankan pembedahan kecil bagi setiap pelajar sekolah agar dapat memasang USB peranti mimpi di tepi telinga pelajar. Hal ini membolehkan mereka berhubung dengan guru dan teman-teman yang lain lewat mimpi setelah kotak modem khas dihidupkan ketika mereka tidur. Sehubungan itu, mereka bolehlah mengadakan diskusi atau kelas tambahan dalam lena. Bukankah ia banyak menjimatkan masa dan tenaga pelajar dan guru?

Oh, betapa besar rahmat ini! Itulah yang difikirkan oleh Andy dan sebaliknya oleh Tia. Semalaman telah mereka bertelagah tentang hal ini.

Surat yang diterima dari guru Dela itu seolah-olah suatu tempelakan keras buat Tia. Benarlah bahawa ia membantu guru dalam menjimatkan masa. Pada awalnya, Tia lebih marah terhadap guru tersebut daripada kehadiran peranti tersebut. Alasan menjimatkan masa itu sungguh menjijikkan. Masa guru semestinya di sekolah dan dikhususkan buat para pelajar! Masa yang dijiat itu membolehkan para guru bersenang lenang pastinya. Jika dikatakan ia boleh digunakan untuk menanda kerja-kerja pelajar, ternyata guru tersebut mempunyai masalah pengurusan masa. Tidakkah guru masih punyai masa luang dalam seharian di sekolah untuk menanda? Bukannya dari jam 8 hingga 3 petang dihabiskan di dalam kelas sahaja!

Selain itu, bagaimanakah mungkin guru memudahkan tugas mereka sehingga menyusahkan para waris? Sesungguhnya alat itu memakan kos yang tinggi. Permintaan guru itu tidak tercapai dek waras akal. Nasib baik Dela datang daripada dirinya dan Andy yang masing-masing mempunyai sumber ekonomi yang mantap. Bagaimana pula dengan nasib teman-teman Dela yang datang daripada keluarga sisa perang dunia keempat yang baru berakhir? Adakah mereka akan ketinggalan pelajaran akibat ketiadaan peranti mimpi memandangkan mereka tidak memiliki SimPendidikan?

Setelah berfikir sambil mencantas segala emosi, Tia tersedar. Persoalan guru yang tidak mampu membahagikan masa dengan sebaiknya adalah tuduhan yang tidak wajar lagi pada zaman ini. Sepertimana kata sahabat kerja Tia, tugas seorang guru itu ialah 30% mengajar termasuk menanda dan memberikan perhatian kepada pelajar sementara selebihnya ialah berkait dengan kerja-kerja berkertas seperti pekerjaan yang lain. Maka penjimatan masa itu bukan lagi suatu alasan, malah ia adalah pengharapan.

Lagipun, kehidupan manusia yang akur pada hukum rimba tidak boleh menjadikan kemampuan para waris untuk membekalkan peranti mimpi sebagai alasan. Siapa yang mahukan lebih, maka dia juga patut berhabis lebih. Bukankah Tia dan Andy juga membesar dengan sistem tuisyen? Lalu apa yang membezakan keperluan mereka dengan anak mereka?

Namun masih ada sesuatu yang tidak selesai dalam jiwa Tia. Peranti mimpi itu adalah sumpahan di sebalik rahmat, tetapi apakah ia?

“Cinta,” panggilan Andy menyedarkan wanita itu untuk keluar dari lamunannya. “Kau dan aku sama-sama disurup pekerjaan. Ini sahaja cara kita membantu Dela. Kau tahu bahawa dia membutuhkan perhatian. Kita tidak mampu untuk menyediakannya hal tersebut. Maka datanglah gurunya yang menawarkan segala kegagalan kita itu ditebus. Itulah rahmat alat ini. Bagaimana lagi harus aku yakinkan dirimu, Tia?”

Tia menghirup air coklat setelah panasnya dapat diterima bibir. “Entahlah Andy. Aku rasakan bahawa kehadiran alat itu telah mencabar kemanusiaan. Aku sering menyangka, bahawa para pelajar tidak patut terdedah dengan tekanan hidup dalam usia yang setahun jagung. Sedangkan tekanan yang mereka hadapi boleh jadi lebih berat daripada apa yang kita tanggung. Kau lupa, trend para pelajar di Korea Selatan yang membunuh diri akibat tekanan di sekolah telah bermula sejak berpuluh tahun lalu? Trend itu sudah berkembang sehingga ke negara ini.”

Andy kelihatan tidak mengerti, atau dia pura-pura tidak mengerti, atau dia malas mengerti.

“Jika kita menghadirkan alat itu dalam hidup puteri cinta kita, bukankah kita juga membantu dalam menyalurkan tekanan pada dirinya? Kita mendobrak kebersendiriannya

dalam lena. Biarlah dia. Berikan dia ruang bernafas daripada himpitan tekanan. Aku benar-benar kasihan padanya.”

Tia menghirup lagi air coklatnya sehingga separuh cawan.

“Bagaimana jika tanpa alat itu, Dela akan ketinggalan banyak perkara khususnya yang hanya didiskusikan lewat mimpi? Dia tidak mungkin dapat mengejar semula apa yang telah dibahaskan oleh guru dan temannya di alam nyata. Masa mereka suntuk. Pejam celik, mereka akan berhadapan dengan peperiksaan. Peperiksaannya pula hadir setiap minggu. Kau dan aku pula gagal untuk membantunya dalam pelajaran akibat tuntutan duniawi. Kau punya saranan lain, cintaku?” Andy mematikan kata-katanya sebelum mengangkat cawan coklatnya. Namun segera dia meletakkannya semula. Entah kenapa tekaknya belum sedia menerima sebarang basahan sebelum hujahnya diraikan oleh isterinya.

Jeda lagi.

“Kau mengambil enteng tentang tugasmu. Tidak malu pula kau nyatakan hal itu? Semestinya sebahagian tugas ibu bapa ialah untuk memberikan pendidikan. Hakikat bahawa manusia menyekolahkan anak mereka sendiri sudah membuat aku berfikir. Bukankah malu untuk kita sebagai ibu bapa dalam menyekolahkan anak sendiri? Apa guna Tuhan memberikan kita tanggungjawab melalui Dela kalau kita serahkan pada pihak sekolah untuk memandaikannya? Jadi tugas kita hanya untuk memberikannya makan dan minum sahaja?”

Pada pendapatku, jika perkara sehebat memberikan ilmu kepada anak telah gagal untuk kita lakukan, marilah kita cuba untuk mengiringinya dalam medan peperiksaan. Kita cuba ubah peranan; guru sebagai pembantu ibu bapa dalam membijaksanakan anak. Maka lupakan tentang peranti mimpi itu. Biar kita yang menggantikannya dengan tunjuk ajar yang tradisional,

yang mana kita juga mampu pandai melaluinya. Aku percaya yang kau percaya ia boleh terjadi, bukan?”

"Kau yakin pada keadaanmu, Tia?" Andy masih mahu menduga. Sesungguhnya Tia tidak mahu menjawab sebarang soalan lagi. Tidakkah Andy sedar soalan tidak memungkin jawapan yang disepakati. Tia perlukan kata putus, bukan kuiz 'siapa cepat dia dapat'.

Tia hanya melepaskan nafas berat. Andy nampaknya faham dengan bahasa tubuh Tia.

"Aku pernah memiliki idea sepertimu, Tia. Aku mempersoalkan diriku, betapa gagalnya aku menjadi seorang bapa yang membiarkan anaknya berjuang sendiri untuk menentukan hala hidupnya. Aku juga pernah membandingkan kebapaanku dengan kebapaan bapaku. Seperti yang kau katakan, kita berdua dibesarkan dengan sistem tuisyen tradisional itu. Syukur, kita berada di tempat kita berpijak sekarang dengan begitu selesa. Aku mahu Dela berdiri seselesa kita. Maka mengapa tidak aku lakukan apa yang telah bapaku lakukan untukku?"

Kemudian aku sedar, kita hidup di zaman yang berbeza. Aku lupa bahawa bapaku tidak pernah melanggan sebarang tuisyen ketika dia belajar. Dia mampu berjaya walaupun sistem pendidikannya hanya bergantung pada pembelajaran di sekolah. Aku pula memerlukan tuisyen kerana persaingan kami tidak sama. Jika aku tidak dihantar ke tuisyen, aku hanya akan berada di tempat jejak bapaku yang mungkin selesa tetapi tiada istimewa di zaman ini. Sekarang pula, jika kita menggunakan khidmat tuisyen tradisional, tempat berdiri Dela tidak mungkin menjadi lebih istimewa di masa akan datang. Dengan kata lain, Dela hanya menjadi kita. Aku tidak mahu itu terjadi..."

"Maksudmu?" Tia memotong bicara. Andy dapat mengesan bahasa hati Tia boleh dilembutkan sekiranya dia mampu membuktikan hujahnya.



“Tugas keibubapaan bertukar arus, mengikut zaman. Tidak bermakna kita memberikan peranti mimpi itu, kita sudah melepaskan tanggungjawab sebagai ibu bapa. Malah peranti mimpi itu ialah sebahagian cara bagi kita untuk melaksanakan tanggungjawab. Tidak bermakna jika budaya hidup kita ialah ubi kayu sebagai makanan seharian, kita tidak boleh cuba makanan lain untuk hidup. Yang penting; kita masih makan untuk hidup. Aku mohon agar kita tidak sempitkan atau panjangkan perbincangan mengenai peranti mimpi ini kepada hal yang lebih kompleks.

Iya, mungkin kita terpaksa mencabar kesendirian manusia dengan adanya peranti mimpi yang boleh mengakses lena seseorang. Namun itu adalah tuntutan dunia masa kini. Jika kau mahu persoalkan kelancangan manusia, kenapa tidak kau suarakan saat kereta dicipta? Bukankah ia mencabar hakikat kemanusiaan yang seharusnya berjalan? Bukankah ia mencabar hak manusia untuk berusaha agar dapat sampai ke destinasi?”

Setelah Andy habis bersuara, kedua-dua daripada mereka mati bicara. Kali ini, pandangan sesama mereka lebih kosong dari yang sebelumnya. Surat keizinan dari guru Dela masih terbiar di atas meja sejak malam semalam.

Jumlah perkataan: 2137 patah perkataan